



# Cislin®

RACUN SERANGGA PEKATAN TEREMULSI (EC)  
UNTUK KAWALAN MAKHLUK PEROSAK (PCO) SAHAJA  
UNTUK KEGUNAAN KESEHATAN AWAM SAHAJA

Perawis Aktif: deltamethrin.....2.8 % w/w  
Perawis Lengai:.....97.2 % w/w

UNTUK DIKENDALIKAN OLEH OPERATOR KAWALAN MAKHLUK  
PEROSAK (PCO) BERLESEN SAHAJA  
UNTUK DIKENDALIKAN OLEH ORANG  
YANG TERLATIH SAHAJA.

No. Pendaftaran: LRMP. R7/3315

Kandungan Bersih: 1 liter

Batch No.:

Tarikh Mengilang:

Tarikh Luput: -----


Didaftarkan oleh:

Bayer Co. (Malaysia) Sdn Bhd (7563 M)  
B-19-1 & B-19-2, The Ascent Paradigm,  
No. 1, Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya,  
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.  
Tel.: 03-7801 3088

Jika berlaku KERACUNAN, sila hubungi  
TALIAN KECEMASAN:

999

BACA LABEL SEBELUM GUNA



LIPAS

LALAT

Cislin® ialah sejenis racun serangga yang mengandungi perawis aktif daripada kumpulan 'pyrethroid' yang bertindak secara sentuhan dan keracunan perut.  
**ATURAN PENGGUNAAN:** Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

TEMPAT / SITUASI	SERANGGA PEROSAK	KADAR RACUN SETIAP 1 LITER AIR	ISI PADU SEMBURAN SETIAP M <sup>2</sup>	CATATAN
Kesihatan awam: Dapur, kabinet, lantai, dinding, di bawah sinki, di sudut terpicil, celah keretakan.	Lalat ( <i>Musca domestica</i> ) Lipas ( <i>Periplaneta americana</i> ; <i>Blattella germanica</i> )	5 ml (1 : 200)	50 ml	Tempoh keberkesanan-annya ialah 2 bulan.

KEGUNAAN	SERANGGA PEROSAK	KAEDAH	KADAR		CATATAN
			CAMPURAN RACUN	ISI PADU SEMBURAN	
Pengawet Kayu	Kumbang Bubuk ( <i>Lyctus brunneus</i> )	Semburan	5 ml / liter diesel (1:200)	100 ml / m <sup>2</sup>	Tempoh keberkesanan-annya ialah 3-6 bulan.
		Celupan	20 ml / 10 liter air (1:500)	-	Kayu yang telah dipotong mestilah direndam ke dalam tong celupan selama 3 minit. Tempoh keberkesanan-nya ialah 3 tahun.
	Anai-anai ( <i>Cryptotermes brevis</i> ; <i>Reticulitermes flavipes</i> )				

**Panduan Membancuh:** Disyor menggunakan alat penyembur gelas atau penyembur tekanan rendah dengan nozel jenis kipas. Isikan tangki setengah penuh dengan air bersih, Campurkan Cislin® secukupnya mengikut syor yang ditetapkan dalam jadual sukatan dan banchu. Seterusnya tambah baki air bersih yang diperlukan dan kacau. Jangan guna pada kadar lebih tinggi dari yang disyorkan. Jangan simpan baki banchuan Cislin® di dalam tangki alat penyembur.

**Panduan Menyembur:** Lakukan semburan apabila penyakit bawaan vektor dilaporkan. Untuk kawalan yang baik, sembur secara menyeluruh ke atas kawasan infestasi mengikut kadar yang disyorkan. Tutup semua alat perkakas dapur sebelum menyembur. Pastikan tiada bahan makanan di dalam bilik dapur apabila menyembur. Jika rawatan perlu diulangi, gunakan Cislin® berselang-seli dengan racun serangga daripada kumpulan berlainan yang mempunyai cara tindakan berbeza.

**AWAS:** a) **Bahaya Kepada Manusia:** Berbahaya jika tertelan. Elakkan daripada terhidu wasap atau kabus semburan. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci alat penyembur sebersih-bersihnya selepas menggunakannya. Pastikan mandi sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak.  
**Pakaian dan Alat Perlindungan:** Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawaian termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan mengikut kesesuaian (Rujuk Risetlah Data Keselamatan).

b) **Bahaya Pada Alam Sekitar:** Produk ini adalah berbahaya pada organisma akuatik dan ikan, **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saluran air.

**TANDA KERACUNAN: Tanda Awal:** Mual, muntah, pening, keletihan, paresthesia (rasa kebas, terbakar, sejuk, semut-semut, menyucuk, merayap), air liur berlebihan, demam, penglihatan kabur, takikardia (berdebar-debar), nafas berbunyi seperti wisel, mengantuk, sawan, koma.

**Tanda Tertangguh:** Tiada tanda keracunan spesifik. Segera dapatkan rawatan sekiranya mengalami sebarang tanda umum keracunan seperti mual, muntah, sakit perut, air liur berlebihan, sakit tekak, sesak nafas, ketat dada, nafas laju, berdebar-debar, gangguan deria rasa, kemerahan pada bahagian terdedah, sawan, koma atau sebarang masalah kesihatan.

**RAWATAN KECEMASAN:** Jika terkena pakaian, tanggalkan kesemua pakaian, mandi dengan segera dan ganti pakaian yang bersih. Jika terkena pada kulit, bersihkan dengan sabun dan air yang banyak. Jika terkena pada mata, tanggalkan kanta lekap (jika ada) alirkan air yang banyak pada bahagian mata sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** ikhtikarkan untuk muntah dan **JANGAN** beri apa-apa melalui mulut. Jika terhidu, pindahkan mangsa ke kawasan pengudaraan yang bersih. Bawa mangsa ke Pusat Perubatan/Klinik/Hospital yang terdekat dengan segera. Dinasihatkan bawa bersama label atau bekas racun perosak.

**BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA. JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.**

**RINSE EMPTY PESTICIDE CONTAINER THREE (3) TIMES BEFORE DISPOSAL. DO NOT USE EMPTY PESTICIDE CONTAINER TO STORE FOODSTUFF.**

MY566207731

BERBAHAYA  
JAUHKAN DARIPADA  
MAKANAN DAN KANAK-KANAK

KELAS III

HARMFUL  
KEEP AWAY FROM  
FOODSTUFF AND CHILDREN

有毒品  
勿貯藏在靠近食品或  
兒童所接觸的地方

தீங்கிழைப்பது  
உணவுகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கு  
அருகில் வைக்காதீர்